



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

14 November 2019

1. Kerbau Masuk Hotel ; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Local	Muka Surat <input type="text" value="10-11"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
14.11.2019			



Oleh Rizanizam Abdul Hamid
mrizanizam@nstp.com.my

Kerbau masuk hotel

Lelaki terjun dari tingkat dua akibat panik kehadiran haiwan seberat 700kg





KERBAU jantan seberat 700kg diambak selepas memasuki hotel di Jalan Tun Tan Cheng Lock, Banda Hilir, semalam.



LOKASI sekor kerbau memasuki sebuah hotel di Jalan Tun Tan Cheng Lock, semalam.

Melaka

Sekor kerbau jantan mati ditembak pihak berkuasa selepas memasuki sebuah hotel di Jalan Tun Tan Cheng Lock berhampiran Jalan Jonker, semalam.

Timbalan Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Superintendan Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, kejadian 7.20 pagi itu disedari peniaga hotel berkenaan.

"Lelaki berusia 27 tahun itu kemudian terjun dari tingkat atas bangunan hotel dua tingkat itu kerana panik."

"Selepas lebih sejam mengepung kawasan tersebut, kerbau jantan seberat 700 kilogram (kg) berjaya ditumbangkan kakitangan Jabatan Veterinar negeri yang melepaskan satu das tembakan kira-kira jam 10.15 pagi," katanya.

Tambah Raiz Mukhliz, haiwan berkenaan kemudian dibawa ke rumah sembelihan jabatan Veterinar di Jasin untuk tindakan lanjut.

Polis juga, katanya, mengesan pemilik haiwan berkenaan dan menyeru orang ramai yang mempunyai maklumat tampil membantu pihak polis.

Dalam pada itu, Pengarah Pemasaran dan Jualan Hotel Casa del Rio Melaka, Agnes Fay berkata, keawakan haiwan liar itu sempat dirakam sistem kamera litar tertutup (CCTV) hotel berkenaan jam 6 pagi.

"Berdasarkan rakaman CCTV, ia memasuki kawasan premis hotel melalui pagar belakang sehingga menyebabkan kerosakan pada pagar."

"La kemudiannya beredar keluar melalui kawasan kafe menuju ke kawasan berhampiran sebuah kafe

dikejutkan dengan berita ia terperangkap dalam sebuah hotel lain kira-kira 8 pagi tadi," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Difahamkan, kerbau jantan liar itu mula berlegat-legar di sekitar kawasan Jonker Walk sejak lewat petang

kelmarin dan merosakkan beberapa harta awam, termasuk cermin dan pagar hotel berhampiran.

Sementara itu, Pegawai Veterinar Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri, Dr Tuan Aimal Tuan Kamaluddin berkata, haiwan

liar itu terpaksa ditembak pegawainya yang terlatih menggunakan petru hidup dan bukannya ubat pelai untuk mengelak kejadian lebih buruk.

"Dalam kes ini, kerbau berkenaan besar dan penggunaan ubat pelai lambat untuk memberi kesan."

"Jika terlalu lama, dihinawati ia boleh mendatangkan kecederaan kepada orang ramai dan anggota bertugas."



"Tindakan ini mengikut undang-undang sedia ada, malah haiwan itu juga sempat disembelih sebelum ia mati," katanya.



CERMIN premis yang rosak.



HAIWAN berkenaan di bawa ke rumah sembelihan Jabatan Veterinar di Jasin untuk tindakan lanjut.